

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 13 JUN 2017 (SELASA)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Kampung Sagil rintis tanam kacip fatimah	KOSMO
2.	Industri perlu tingkatkan ilmu	Sinar Harian
3.	BCDP jana pendapatan	Harian Metro
4.	Significant role	The Sun
5.	R&D pertahanan tingkat teknikal, kepakaran ATM	Berita Harian

KERATAN AKHBAR
KOSMO (K2): MUKA SURAT 27
TARIKH : 13 JUN 2017 (SELASA)



WILFRED MADIUS (tengah) mendengar taklimat ringkas daripada peserta mengenai projek penanaman kacip fatimah di Kampung Sagil, Tangkak, Johor baru-baru ini.



SERAMAI 10 orang peserta yang terdiri daripada ahli Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil menerima sijil penghargaan daripada MOSTI.

VARIA

Kampung Sagil rintis tanam kacip fatimah



SYED AGIL



WILLIAM



MOHD. ZULKARNAIN

SEJAK sekian lama, herba kacip fatimah atau nama botaninya, *Labisia pumila* telah digunakan secara meluas dalam rawatan tradisional.

Bagi masyarakat Melayu, tumbuhan yang hidup meliar di hutan itu digunakan sejak turun-temurun lalu bagi memulihkan tenaga wanita yang baru lepas bersalin.

Kacip fatimah juga dipercayai mampu mengekal dan menguatkan sistem peranakan wanita yang menghampiri usia menopause.

Menyedari khasiat dan kebaikan tumbuhan itu, Persatuan Peniaga Kecil Kampung Sagil, Tangkak, Johor telah memulakan projek penanaman herba kacip fatimah di atas tanah seluas satu ekar (0.4 hektar) di kampung tersebut.

Projek di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu dijangka memberikan hasil lumayan sehingga RM100,000 untuk sekali tuaian yang mengambil masa sembilan bulan sebelum dituai.

Sebagai permulaan, seramai 10 peserta daripada 50 ahli persatuan diberi kepercayaan mengendalikan tanaman herba masing-masing yang bermula Ogos tahun lalu.

Salah seorang peserta, Mohd. Zulkarnain Andi Patman, 42, berkata, projek itu berpotensi meraih hasil tuaian kacip fatimah antara 2,000 dan 5,000 kilogram bagi setiap 2.5 ekar (satu hektar) tanaman.

Tambah pendapatan

Katanya, projek itu dapat memberi peluang kepadanya dan penduduk kampung menambah pendapatan sampingan, sekali gus meningkatkan mobiliti sosial komuniti.

"Saya menyambut baik usaha kerajaan terutamanya MOSTI kerana membawa projek ini ke Kampung Sagil. Saya amat berterima kasih kepada pihak yang terlibat dalam menjayakan projek ini.

"Projek ini dijangka mampu menjana pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu kepada penduduk setempat," katanya ketika ditemu bual

Kosmo! baru-baru ini.

Menariknya, kacip fatimah yang dihasilkan peserta persatuan itu akan diberi jaminan belian balik oleh syarikat Bioalpha East Coast Agro Sdn. Bhd., (Bioalpha).

Pengarah Urusan Bioalpha, William Wong berkata, kacip fatimah mempunyai permintaan tinggi daripada penggiat industri produk kesihatan.

Jelasnya, ia didorong oleh kesedaran masyarakat di seluruh dunia mengenai khasiat herba tersebut.

Namun malangnya, bekalan tumbuhan herba itu sangat terhad, sekali gus menjejaskan pengeluaran produk.

"Kami memberi jaminan akan membeli hasil tanaman kacip fatimah di sini. Kami sangat memerlukan bekalan kacip fatimah dalam penghasilan produk kesihatan seperti tablet dan pil untuk kegunaan wanita.

"Produk kami mendapat permintaan tinggi di luar negara terutamanya dari China. Kekurangan bekalan kacip fatimah menghadkan pengeluaran produk," katanya.

Hasil kajian yang dilakukan oleh pihaknya, tanaman kacip fatimah di Kampung Sagil adalah lebih baik berbanding ladang-ladang di tempat lain.

Biaya

Tambah William, ia didorong oleh kesuburan tanah dan iklim di kampung itu selain pengetahuan petani membesarkan tumbuhan tersebut dengan betul.

Penanaman kacip fatimah itu turut menjadi projek contoh bagi Malaysia Bioeconomy Development Corporation Sdn. Bhd., (Bioeconomy Corporation).

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Bioeconomy Corporation, Syed Agil Syed Hashim berkata, projek itu mendapat Dana MOSTI Social Innovation (MSI) yang membolehkan syarikat membiayai kos latihan, peralatan dan baka kacip fatimah.

Katanya, menerusi peruntukan itu, ahli-ahli persatuan berkenaan akan diberi latihan dan kemahiran memperbanyakkan baka kacip fatimah melalui pembiakan

secara keratan.

"Penduduk di kampung ini sangat bertuah kerana kawasan telah dipilih oleh kementerian untuk projek penanaman kacip fatimah.

"Usaha ini sedikit sebanyak dapat membangunkan industri kacip fatimah di Malaysia," katanya ketika berucap pada Majlis Penyerahan Projek MSI Bagi Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi-Projek Penanaman Herba Kacip Fatimah di Kampung Sagil baru-baru ini.

Turut hadir Menteri MOSTI, Datuk Seri Wilfred Madius Tangau dan Ahli Dewan Undangan Negeri Gambir, Datuk M. Asojan.

Syed Agil memberitahu, pihaknya sentiasa menekankan usaha untuk memperkasakan masyarakat desa kerana mereka mempunyai keupayaan membentuk negara progresif.

Sehubungan itu, Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) berjaya memanfaatkan masyarakat luar bandar khususnya dalaman kalangan petani untuk membekalkan bahan mentah kepada industri.

"Model perniagaan koperasi dengan kerjasama syarikat berstatus BioNexus dalam BCPD merupakan satu pendekatan unik kerana ia membolehkan petani meraih pencapaian kolektif," ujarnya.



KACIP fatimah mendapat permintaan tinggi daripada penggiat industri kesihatan.

KERATAN AKHBAR
SINAR HARIAN (SOROT): MUKA SURAT 14
TARIKH : 13 JUN 2017 (SELASA)

Industri perlu **tingkatkan ilmu**

Industri Malaysia perlu bersedia bagi mendepani gelombang Revolusi Industri 4.0 dengan memiliki ilmu yang lebih relevan bagi mencetuskan inisiatif kerjasama antara pemain industri dan pelanggan masing-masing.

Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI), Datuk Seri Wilfred Madius Tangau berkata, masyarakat perlu lengkapkan diri dengan pengetahuan, pendekatan, kemampuan dan strategi revolusi itu bagi mendapatkan manfaat sepenuhnya.

Revolusi Industri 4.0 mencakupi penemuan pelbagai teknologi baharu yang bakal merancakkan kemajuan dan mencorakkan landskap dunia moden serta kesan kumulatifnya terhadap dunia.

"Keseluruhan idea Revolusi Industri 4.0 ini adalah ilmu, kita melakukan pembaharuan untuk selesaikan masalah serta mewujudkan dan menyusun setiap

segmen pasaran seperti industri pertanian yang paling kurang mendapat perhatian masyarakat," katanya selepas Persidangan Pengukuhan Rakan Perkongsian Industri-Akademik anjuran Universiti UCSI.

Persidangan itu bertujuan mewujudkan kesedaran dan meningkatkan kefahaman revolusi terkini selain membincangkan kesan potensi kepada kerajaan, industri, pendidikan dan masyarakat serta mengatur strategi antara pihak industri dan akademik bagi menghadapi cabaran.

Ia juga menekankan kepentingan memperoleh idea inovatif bukan sahaja daripada pemain industri malah pengguna.

Sementara itu, Wilfred menegaskan kementerian tekad untuk menumpukan kepada cabaran-cabaran negara dengan mencari jalan penyelesaian menerusi Sains, Teknologi dan Inovasi (STI).

Beliau komited menerajui dua tema

utama aspirasi Transformasi Nasional 2050 (TN50) sebagai peneraju idea pelbagai bentuk ekonomi terkini dan masyarakat yang saling berkait.

"Dalam usaha menuju ke arah negara maju, agenda membangunkan STI akan terus dipergiat bagi memacu pembangunan ekonomi negara. Sehubungan itu, MOSTI juga akan memberi tumpuan kepada IoT, Big Data, Artificial Intelligent dan seumpamanya bagi menghadapi Revolusi 4.0.

Menurut Forum Ekonomi Dunia (WEF), dijangka sebanyak 65 peratus daripada kanak-kanak yang masuk ke sekolah rendah akan bekerja dalam bidang pekerjaan yang baharu berlandaskan STEM. STEM juga telah dikenal pasti



sebagai bidang yang akan membentuk modal insan negara untuk memenuhi permintaan kerjaya masa depan dalam menghadapi Revolusi Industri 4.0.

Kementerian juga menekankan, Tahun 2017 menjadi Year of Delivery, Tahun Penyampaian yang berjaya sekiranya mindset warga MOSTI fokus kepada penyampaian perkhidmatan, usaha, latihan, penambahan nilai dan segala-galanya untuk kebajikan rakyat.

KERATAN AKHBAR
HARIAN METRO (AGRO): MUKA SURAT 3
TARIKH : 13 JUN 2017 (SELASA)

BCDP JANA PENDAPATAN

10 ahli Koperasi Waris Jati Kondok Nilai dilatih teknik biak, tuai cendawan tiram

PESERTA Koperasi Waris Jati Kondok Nilai projek penanaman cendawan tiram bersama Dr Mohd Azhar, Hasim dan Syed Agil.

RENCANA

Mohamad Hussin

mohamad_hussin@hmetro.com.my

Projek penanaman cendawan tiram secara komersial yang diperkenalkan melalui Program Pembangunan Komuniti Bioekonomi (BCDP) mampu menjana pendapatan masyarakat setempat.

Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) menerusi Malaysian Bioeconomy Development Corporation Sdn Bhd (Bioeconomy Corp) melaksanakan BCDP melalui dana Inovasi Sosial MOSTI (MSI).

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif Bioeconomy Corp Syed Agil Syed Hashim berkata, dana MSI kepada Bioeconomy Corp membuktikan keprihatinan MOSTI untuk membudayakan sains dan inovasi kepada masyarakat secara meluas.

Beliau berkata, melalui dana ini, Bioeconomy Corp membiayai pelaksanaan projek BCDP menerusi penanaman cendawan tiram secara komersial di kampung



DARI kiri Dr Mohd Azhar, Hasim (tengah) dan Syed Agil menunjukkan cendawan tiram.

berkenaan.

"Projek ini membabitkan syarikat berstatus BioNexus, Fraix Funghi Sdn Bhd (FFSB) dengan kerjasama Universiti Malaysia (UM) untuk membekalkan beg yang disuntik dengan benih cendawan tiram kelabu kepada peserta bermula 1 Ogos 2016 hingga 30 April lalu.

"Peserta dilatih dan dibimbing FFSB dan Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) untuk menguasai teknik yang diperlukan untuk membiak dan menuai cendawan ini.

"FFSB memberi jaminan belian balik bagi cendawan tiram yang dihasilkan peserta terbabit," katanya ketika berucap pada majlis penyerahan BCDP. Projek Penanaman Cendawan Tiram Secara Komersial kepada Koperasi Waris Jati Kondok Nilai, Negeri Sembilan, baru-baru ini.

Majlis perasmian disempurnakan Ketua Setiausaha MOSTI Datuk Seri Dr Mohd Azhar Yahaya. Turut hadir, Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Labu Datuk Hasim Rusdi dan Timbalan Ketua Setiausaha (Sains, Teknologi dan Inovasi) MOSTI Prof Madya Dr Ramzah Dambul.

Buat permulaan, seramai 10 ahli Koperasi Waris Jati Kondok Nilai, terpilih menyertai projek berkenaan membabit-

kan peruntukan RM300,000.

Syed Agil berkata, kesungguhan dan dedikasi yang ditunjukkan ahli koperasi membuktikan mereka memiliki kebolehan dan potensi tinggi untuk menceburi bidang bio-keusahawanan.

"Latihan biokeusahawanan yang berasaskan teknikal dapat menambah pendapatan peserta di samping menaik taraf pengusahaan tempatan. Mereka juga dapat meningkatkan kemahiran teknikal dan pengalaman kerja dalam membangunkan industri pengeluaran cendawan negara.

"Saya turut berbesar hati dengan FFSB, UM dan Nuklear Malaysia atas usaha dan kerjasama yang diberikan dalam menjayakan projek ini. Kami sentiasa menekankan kepentingan bekerjasama terutama antara peminat industri, akademi dan agensi kerajaan bagi memacu bioekonomi negara.

"Kolaborasi seperti ini bukan saja dapat membangunkan industri cendawan Malaysia, malah dapat menyumbang kepada perkembangan sosio-ekonomi dan kesejahteraan komuniti setempat," katanya.

Menurutnya, ia adalah projek BCDP ketiga yang menerima dana MSI selepas penyerahan projek pengeluaran madu

lebih di Kuala Linggi, Melaka dan projek penanaman kacang fatimah di Tangkak, Johor.

"Sehingga Mei lalu, sebanyak 34 projek dilaksanakan di bawah BCDP membabitkan lebih 2,700 peserta. Bagi tahun ini, kami berjaya membabitkan 1,985 peserta BCDP yang melebihi sasaran 600 peserta BCDP bagi tahun ini.

"BCDP bagi membangunkan bioekonomi Malaysia. Sebagai agensi utama yang berperanan untuk memacu bioekonomi negara, kami ingin meningkatkan pelaksanaan BCDP untuk menghubungkan komuniti dan pihak industri.

"la melalui pemindahan teknologi, di samping meningkatkan taraf hidup serta pendapatan masyarakat luar bandar. Pelaksanaan BCDP juga dapat memperkukuh inklusiviti ke arah masyarakat saksama, selaras dengan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (RMK-11)," katanya.

Syed Agil berkata, BCDP dapat meningkatkan pendapatan dan pengeluaran komuniti atau usahawan tempatan dengan mengaplikasikan teknologi terkini berasaskan bioteknologi, di samping membangunkan kemahiran keusahawanan mereka melalui perladangan kontrak.

FFSB memberi jaminan belian balik bagi cendawan tiram yang dihasilkan peserta terbabit

SYED AGIL

Significant role

> Uniten celebrates 20th anniversary with 'An Evening with Employers'

BY NUR SHAHIRAH MOHD

In conjunction with Uniten's 20th Anniversary Celebration, Universiti Tenaga Nasional (Uniten) recently organised "An Evening with Employers" at its newly launched Student Centre. Since its inception, the university had received strong support from various top-notch employers. Uniten is listed among the favourite private universities of these employers to hire fresh graduates.

With the relentless effort from the Careers Office in organising career development programmes and employers as its pillars, some students were hired even before completion of their studies.



Uniten vice chancellor Prof Datuk Dr Kamal Nasharuddin Mustapha (centre) trying out the Career Portal.

Amongst the market leaders who attended the event were Tenaga Nasional Berhad, Schlumberger, DRB Hicom, Denso, Gamuda, Cyber Security Malaysia, Microsoft Malaysia, Ernst and Young, Permodalan Nasional Berhad and Sunway Resort. The event served as a networking platform among employers and staff to exchange knowledge and ideas on current

employment related issues.

Besides appreciating dedicated employers, Uniten also launched the Uniten Career Portal that functions as a medium of interaction between employers, staff, students and alumni to seek and offer jobs and internship opportunities.

It also hoped to strengthen the relationship between Uniten and the students' future employers.

KERATAN AKHBAR
BERITA HARIAN (DARI KACA MATA): MUKA SURAT 10
TARIKH : 13 JUN 2017 (SELASA)

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

➔ **Datuk Seri Mohd Johari Baharum**
Timbalan Menteri Pertahanan



Kompleks Persenjataan PSTP di Batu Arang, ditauliahkan pada 1993 bagi menyokong pihak ATM dalam bidang berkaitan persenjataan dan dirasmikan pada 1995

Perjanjian komersial antara STRIDE dan empat Industri Pertahanan adalah kerjasama strategik antara kerajaan dan industri tempatan untuk beri peluang kepada industri tempatan terutamanya syarikat Bumiputera mengkomersialkan hasil produk R&D

Perjanjian antara STRIDE dengan Famille Lab PIt pula bertujuan pengkomersialan produk Meat Bars. STRIDE akan menerima bayaran konsultansi RM50,000

R&D pertahanan tingkat teknikal, kepakaran ATM

Pada 18 Mei lalu, saya melawat Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan (STRIDE), di bawah Kementerian Pertahanan. Agensi yang berorientasikan penyelidikan dan pembangunan (R&D) pertahanan ini juga membekal dan menyediakan kepakaran serta sokongan teknikal kepada Angkatan Tentera Malaysia (ATM).

STRIDE ditubuhkan pada 1968, awalnya dikenali sebagai Pusat Teknikal Pertahanan (DTC) yang bertanggungjawab membantu pihak tentera menyediakan spesifikasi pertahanan bagi tujuan perolehan, menjalankan kerja uji nilai, melakukan pengujian makmal dan membuat penilaian.

STRIDE menandatangani nota kerjasama, kontrak pengujian dan perjanjian pengkomersialan meliputi nota kerjasama antara STRIDE dengan Agensi Angkasa Negara, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) akan bertindak sebagai rangka kerja am bagi usaha sama melaksanakan dan menyokong program penyelidikan dan pembangunan teknologi angkasa untuk pertahanan.

Menelusuri sejarah STRIDE pada 1972, namanya ditukar kepada Pusat Penyelidikan Pertahanan (DRC).

Pada 1985 pula, ia sekali lagi bertukar kepada Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan (PSTP) yang berperanan sebagai pusat pemindahan teknologi pertahanan di samping mengekalkan perkhidmatan sokongan teknikal kepada ATM. Pada tahun sama, PSTP cawangan Maritim di Lumut ditubuhkan.

Kompleks Persenjataan PSTP di Batu Arang, ditauliahkan pada 1993 bagi menyokong pihak ATM dalam bidang berkaitan persenjataan dan dirasmikan pada 1995.

Pada Disember 2001, Kabinet meluluskan penstrukturan semula organisasi dan perubahan status pusat dari bahagian kepada satu jabatan di bawah Kementerian Pertahanan dengan nama STRIDE yang mempunyai lima Bahagian Teknologi (Persenjataan, Maritim, Perlindungan & Biofizikal, Jentera & Aeroangkasa dan Instrumentasi & Elektronik) dan satu Bahagian Pengurusan.

Pada 1 April 2002, STRIDE beroperasi secara rasmi dan diadakan pelancaran pembinaan kompleks induk di Kajang. Seterusnya pada 2004, kompleks makmal utamanya mula beroperasi dan dirasmikan pada 2005.

Bagi Kontrak Pengujian antara STRIDE dengan DRB HICOM Defence Technologies Sdn Bhd (DEFTech), ia bertujuan pelaksanaan

pengujian Electromagnetic Compatibility (EMC) dengan nilai kontrak RM2.4 juta. STRIDE menyediakan khidmat pengujian EMC ke atas Kereta Berperisai AV8 Gempita yang sedang dibangunkan oleh DEFTech. Kerjasama ini membabitkan perkara dalam membabitkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan dalam bidang EMC di STRIDE, meningkatkan kepakaran tempatan dalam bidang EMC dan membangunkan kaedah pengujian yang sesuai untuk digunakan pakai di dalam negara.

Perjanjian komersial antara STRIDE dan empat Industri Pertahanan adalah kerjasama strategik antara kerajaan dan industri tempatan untuk beri peluang kepada industri tempatan terutamanya syarikat Bumiputera mengkomersialkan hasil produk R&D institut penyelidikan tempatan. Kerjasama ini merangkumi penghasilan teknologi dan pasaran, pengeluaran produk serta memasarkan produk ke peringkat global.

Terima bayaran royalti

Empat perjanjian berkenaan meliputi perjanjian antara STRIDE dengan Alaf Strategi Sdn Bhd bagi tujuan pengkomersialan produk Aerostat and Airship Based Surveillance System. STRIDE akan menerima bayaran royalti 10 peratus daripada keuntungan jualan Aerostat and Airship Based Surveillance System. Selain itu, perjanjian antara STRIDE dengan Entrust Ventures Sdn Bhd bagi tujuan pengkomersialan produk Soft Body Armour Vest. STRIDE akan menerima bayaran konsultansi satu peratus setiap unit jualan Soft Body Armour Vest.

Perjanjian antara STRIDE dengan Famille Lab PIt pula bertujuan pengkomersialan produk Meat Bars. STRIDE akan menerima bayaran konsultansi RM50,000. Sementara perjanjian antara STRIDE dengan Saffur Tex Resources Sdn Bhd bagi tujuan pengkomersialan produk Water Hydration Backpack. STRIDE akan menerima royalti sebanyak dua peratus daripada setiap unit jualan Water Backpack Hydration.

Selain itu, pelancaran pengkomersialan produk STRIDE adalah untuk menyahut seruan Perdana

Menteri bagi melonjakkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai penjana kekayaan melalui proses pengkomersialan. STRIDE juga membabitkan diri di dalam program Tahun Pengkomersialan Malaysia (MCY) 2.0 iaitu agenda negara atau KPI Khas Negara dengan mendaftarkan lima produk STRIDE iaitu:

➔ **Aerostat and Airship Based Surveillance System.** Aerostat adalah untuk pemantauan dan pengawasan dari udara dilengkapi kamera dan peralatan radio. Sistem ini sesuai untuk pengawasan maritim dan sempadan, keselamatan dalam negeri, risikan, komunikasi, penghantaran data, fotografi dari udara dan pengiklanan.

➔ **Water Hydration Backpack.** Gabungan beg galas dan beg penghidratan yang mempunyai sistem penapisan air beraliran graviti dengan kapasiti maksimum 3 liter, ruang penyimpanan tambahan dan sesuai dijadikan sebagai anduh (sokongan lengan). Ia digunakan sebagai bekalan air minuman semasa operasi.

➔ **Soft Body Armour Vest.** Perlindungan Trauma Ergonomik adalah ves kalis peluru tahan lasak dan direka supaya mudah diubahsuai, rompi balistik ENTRAP™ memberi liputan perlindungan optimum di samping memberi kebebasan bergerak maksimum, mudah dipakai.

➔ **Meat Bars.** Produk makanan berasaskan daging dan ayam diperap sos yang sedia dimakan, menggunakan teknologi retort. Produk boleh dimakan tanpa perlu dimasak atau dipanaskan.

➔ **Unmanned Surface Vessel (USV).** USV adalah kenderaan beroperasi di permukaan air tanpa pemandu dan digunakan untuk aplikasi maritim seperti pengumpulan data saintifik, oseanografi dan keselamatan maritim operasi ketenteraan.

➔ **Umat Islam yang berpuasa** menerima banyak manfaat. Mungkin tidak ramai tahu bahawa berpuasa menggerakkan proses autofagi. Ringkasnya, puasa membolehkan badan membersihkan sisa toksin dan mengitar semula komponen sel yang rosak, kata **Felo Penyelidik, Institut Kajian Tinggi Islam Antarabangsa (IAIS) Malaysia, Shahino Mah Abdullah**. Ikuti kupasannya, esok.